

**Perdana Menteri Dijangka Umum Jumlah Perlindungan Insurans Penjaja, Peniaga Kecil, Kata Ismail Bernama
12 Julai, 2012**

KOTA KINABALU, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka mengumumkan jumlah perlindungan di bawah skim insurans berkelompok penjaja dan peniaga kecil sebaik sahaja cadangan pewujudan skim insurans itu mendapat kelulusan kabinet Persekutuan.

Sambil menyifatkan pemberian insurans kepada penjaja dan peniaga kecil sebagai "hadiah Perdana Menteri" untuk golongan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kementerianya kini giat mengumpul senarai nama penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar di seluruh negara bagi memudahkan pelaksanaan skim insurans berkenaan.

"Kita tidak mahu ada nama penjaja dan peniaga kecil yang "terkeluar" daripada senarai. Sebab itu, kita mahu senarai penuh penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar di Sabah, Sarawak, Labuan dan negeri-negeri lain sebelum kertas cadangan berhubung skim insurans ini dikemukakan kepada kabinet untuk kelulusan," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika berucap pada majlis pertemuan dengan persatuan penjaja dan peniaga kecil Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di sini hari ini.

Katanya skim insurans itu memberi kebaikan kepada penjaja dan peniaga kecil semasa berlaku kemalangan atau kematian.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679995>